

RAHSIA KEJAYAAN DALAM PERKEMBANGAN PENULISAN ISLAM

Oleh: *Abdullah Al-Qari B. Hj. Salleh**
(A.Q.H.A.S.)

Sesudah kita sama-sama meredhai Allah menjadi Tuhan kita, Islam menjadi Agama kita dan Nabi Muhammad shallallaahu 'alaihi wasallam menjadi Nabi kita, maka kita berbangga dengan kehadiran ketiga-tiganya, dan berbangga Al-Qur'an dan Al-Hadith, As-Sunnah menjadi panduan hidup tunggal kita, bagi seluruh umat Islam yang hidup di permukaan bumi Allah ini.

Lebih dulu saya mohon memperkenalkan diri sebagai insan yang terlibat dengan penulisan ini. Tanggal 04.01.1953 di kala saya baru berusia 15 tahun, saya dilantik menjadi guru JPN; dan pada tahun yang sama saya ditakdirkan mula menjadi seorang pengarang dan penerbit dengan karya sulung bertajuk "*Islam Agama Persatuan Dan Demokrasi*": terbitan *Pustaka ASA* (Angkatan Sayap Al-Islam) serta mula mengadakan perpustakaan sendiri yang kini dikenal dengan nama "*Perpustakaan Al-Qari*": Lorong Kubur Tuk Kenali.

Dunia persuratan dan pasaran buku mula dikejutkan dengan buku tersebut yang bertujuan menguatkan perpaduan ummah bagi perjuangan mendapatkan kemerdekaan tanah air yang tercinta, ketika itu. Dengan kelahiran buku ini, nama pengarang mula dikenal dan disebut; dan saya terus menulis dan menghasilkan karya sendiri dan terjemahan di bawah naungan Kitab Suci Al-Qur'an dan Al-Hadith menjadi panduan tetap penulisan saya; dan kini karya saya melebihi 300 buah.

Suatu kritikan daripada penulis yang tidak memahami Islam bahawa buku-buku Agama adalah selalu menyebut Ayat Suci dan Hadith; seolah-olah tiada yang lain; dan dianggap sebagai jumud/beku. Kepada mereka, saya ingin menyatakan bahawa inilah cara penulisan Islam yang ingin menuju jalan yang lurus dan tidak ingin menyeleweng/sesat dan menyesatkan. Seseorang penulis Islam mestilah benar-benar memegang amanah ini sesuai dengan firman Allah:

* Kertas ini telah dibentangkan dalam Kursus Penulisan anjuran Jawatankuasa Penerbitan Jabatan Syariah, pada 8 Januari 2007 (Isnin) di Dewan Utama, KIAS, Nilam Puri.

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۗ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ۗ

"Dan tiadalah dia (Nabi) bercakap berdasarkan keinginannya. Tiadalah Dia selain wahyu yang diwahyukan." [An-Najm:3-4]

Sebenarnya dalam kehidupan beragama, kita tidak boleh melarikan diri dari pimpinan wahyu. Sejarah Agama-agama Samawi telah menunjukkan adanya pengiriman para Nabi dan Rasul; juga kurniaan Kitab Samaawi: Taurat, Zabur, Injil dan Al-Qur'an untuk panduan hidup manusia; sebab akal sahaja lemah dan tidak cukup untuk menghadapi masalah-masalah hidup manusia sendiri; sebab itu Allah mengadakan Undang-undang dan HududNya bagi memelihara keselamatan dan keamanan hidup manusia.

Sebagai umat yang beriman, kita juga diperkenalkan dengan ciptaan makhluk Tuhan yang disebut Qalam (Pena) dan Lauh Mahfuudz (Papan Terpelihara: Papan Catatan. Perancangan Ilahi), Kursi dan 'Arasy (Singgahsana Kebesaran Allah). Semuanya ini ada hubungan langsung dengan peranan penulisan dan kejayaan seseorang penulis Islam sejak zaman silam sehinggalah ke masa kini.

Kalau di Zaman Hayat Nabi s.a.w. di kenal dengan Penyalinan Al-Quran; dan sesudah itu bermula penulisan/*pembukuan* Hadith, maka di zaman berikut dan sehingga kini dikenal pula dengan nama *penulisan* buku/kitab (mengarang/menyusun kitab).

Sebagai seorang yang beriman kita sangat bersyukur kepada Allah, Tuhan Maha Pencipta yang telah mengiriskan para Rasul dan mengurniakan Kitab-kitab Suci, di mana bagi kita umat Islam, kitab Al-Qur'an adalah menjadi panduan tunggal dan unggul yang sesuai dengan segala zaman, suasana dan tempat di mana kita berada. Sesudah perginya para Rasul dan tertutupnya pengiriman mereka ke dunia ini, maka Allah SWT telah memilih dan melahirkan pula para 'ulama' / ilmuwan Islam, di mana-mana bahagian Dunia Islam: antara mereka ada yang mengambil tugas sebagai pengarang/penulis di samping menjadi guru atau pendakwah; perubahan ini sebagai menggantikan pengiriman para Rasul tadi, sesuai dengan sabda Nabi s.a.w.:

الْعُلَمَاءُ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ

"Para ulama' adalah pewaris (penyambung tugas) para Nabi [H.R. At-Turmudzi, Ibnu Maajah; AI-Haakim dan Ibnu Hibbaan: Shahih]

Kerana itu lahirlah di sana sini di Dunia Islam para penulis Islam yang giat menulis dalam bidang masing-masing yang mendapat pancaran dari cahaya Al-Qur'an dan As-Sunnah; dan hasilnya wujudlah perpustakaan buku-buku Islam di kota-kota Baghdad, Al-Qaahirah, Qurtubah (Cordova) di Sepanyol dan lain-lain dalam berbagai jurusan ilmu: ilmu Wahyu dan Ilmiah (Sains), sehingga dia menjadi sumber kemajuan Dunia Barat dalam pembangunan Sains, Perubatan, Pelayaran dan sebagainya. Serentak dengan itu wujudlah pusat-pusat pengajian Tinggi/universiti di mana-mana sahaja yang terus-menerus berkembang di mana kesannya masih dapat di lihat sehingga kini.

Umat Islam kini perlu banyak berterima kasih kepada pengarang-pengarang Islam yang tampil mendedahkan pelbagai kitab dan buku yang amat berguna dalam berbagai bidang keagamaan dan keduniaan (pembangunan) sehingga dia berjaya membentuk suatu budaya hidup orang-orang Islam yang tersendiri yang berbeza dengan kehidupan orang-orang Bukan Islam atau orang Barat.

Para ulama' dan penulis Islam ini dengan ikhlas menulis di mana sebahagian besarnya menulis dengan kehendak sendiri untuk mencari keredhaan Allah dengan mengeluarkan perbelanjaan sendiri, mengorbankan masa dan waktu hidup dengan kegiatan belajar, mencari guru, keluar menjelajah mencari bahan dan lain-lain; kemudian mengkaji, memilih, menulis dan menyemak karya; dan sesudah itu mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk mencetak kitab atau buku serta mengedarkannya sendiri untuk dijual di kota-kota besar dan di Tanah Suci terutama di musim Haji pada setiap tahun.

Pada masa silam pengarang bukanlah mempunyai kemudahan menulis seperti zaman komputer kini; mereka menulis dengan tangan akan huruf-huruf Arab/Jawi sehingga tangan kanan hampir kaku dan tengkuk kesakitan; menulis dalam keadaan duduk tanpa kerusi; dan di waktu malam mereka menulis dengan menggunakan cahaya pelita ayam. Mereka juga menggunakan batang pena yang dibuat sendiri dan dakwat daripada bahan sendiri. Manakala kertas pula, adalah dalam keadaan bermacam-macam bentuk dan qualiti. Gambarkanlah bagaimana susahnya mereka menulis dan mengarang kitab-kitab yang begitu banyak berjilid-jilid seperti yang kita lihat di hari ini.

Penulisan adalah merupakan suatu yang amat penting menyebabkan semua imaam madzhab mempunyai karya-karya yang ditulis: Imaam Abu Hanifah dengan "*Al-Fiqh Al-Akbar*"; Imaam Malik dengan "*Al-Muwatta'* ", Imaam Syaafi'iy dengan "*Al-Umm*" dan Imaam Ahmad dengan "*Al-Musnad*."

Demikian juga ahli-ahli Tafsir Al-Qur'an dan Ahli Hadith seperti Imaam Al-Bukhaari; dan pengarang ilmu-ilmu yang berhubung dengan keduanya.

Sebagaimana yang disebutkan tadi, saya sendiri mula melibatkan diri di kala berusia amat muda, 15 tahun: menulis dengan dorongan daripada Allah SWT sendiri menerusi Ayat Suci Surah Ash-Shaff : Ayat Ke-11. (Penulisan sebagai suatu jihad dan dakwah).

Di kala itu penulis telah ditakdirkan mula bermimpi berjumpa Nabi kita Muhammad s.a.w. buat kali pertama di mana beliau bersabda: "*Belajarlah Islam!*" Maka sejak itu sehingga kini penulis terus-menerus belajar mengkaji Al-Qur'an dan Al-Hadith secara berguru dan membaca sendiri. Penulis mengambil sikap belajar serta menulis. Bila sesuatu tajuk itu dapat difahami dengan betul serta tidak bercanggah dengan sumber Al-Qur'an dan Al-Hadith, maka dia terus dijadikan buku dan diterbitkan. Jadi terbentuklah kegiatan belajar Agama sambil mengarang; dan jarang-jarang sesebuah buku dibaca dengan bersahaja tanpa tujuan mengarang. Cara ini didapati banyak menghasilkan karya sendiri dan terjemahan: *Sambil menyelam minum air.*

Penulis menulis dengan dorongan mencari keredhaan Allah dan kerana itu tidaklah mencari tajuk-tajuk yang digemari masyarakat yang laris dalam pasaran. Penulis tidaklah ingin menjadi alat sesuatu kumpulan manusia atau individu tertentu/atau untuk mendapatkan kebendaan. Seseorang penulis Islam seharusnya tidak tunduk kepada kehendak masyarakat, kiranya bercanggah dengan Syara'. Perhatikan suatu firman Allah Ta'ala:

وَإِنْ تَطَعُوا أَكْثَرَ مَنْ فِي الْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ

"Dan janganlah engkau mengikut kebendaan kebanyakan penghuni bumi ini, nanti mereka akan menyesatkan engkau daripada jalan Allah" [Al-An' aam: 116]

Ringkasnya penulisan oleh penulis-penulis Islam tidaklah terkeluar dari tujuan mencari keredhaan Allah dalam sepanjang hidup. Justeru novel-novel hasil pengarang yang beragama; seperti novel yang ditulis oleh Dr. Hamka seperti: "*Tenggelamnya Kapal Van Der Wick*" adalah boleh menjadi panduan hidup; tidak sebaliknya apabila ditulis oleh orang yang atheis atau menentang Al-Qur'an dan Al-Hadith sendiri.

Rahsia /Punca Kejayaan:

Sesudah mengalami pengalaman setengah abad, penulis dapat memastikan perkara-perkara berikut adalah sebagai punca/sebab kejayaan seseorang penulis Islam, iaitu:

1. Penulis hendaklah beriman dan mengikut Ahlu As-Sunnah Wa Al-Jamaah.
2. Penulis hendaklah benar-benar berbakat.
3. Penulis Islam wajib Ikhlas kepada Allah Ta'ala.
4. Penulis hendaklah berilmu yang luas dan mendalam.
5. Penulis hendaklah memahami dan menguasai bahasa.
6. Penulis hendaklah mampu dalam kefahaman.
7. Penulis hendaklah jujur dan amanah.
8. Penulis hendaklah berminat kepada buku dan penulisan.
9. Penulis hendaklah berhati berani.
10. Penulis hendaklah bersifat tekun dan menggila-gila.
11. Penulis hendaklah memiliki cita-cita dan hemah tinggi.

Adalah didapati sebahagian penulis kini, bukanlah sangat berminat kepada penulisan; tetapi menulis secara terpaksa kerana kepentingan jawatan dan sebagai penambah sumber pendapatan. Jika perkara ini berlaku, maka umur penulisan tidaklah begitu panjang.